

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Semua kelapan-lapan orang calon wanita Barisan Nasional menang dalam pilihanraya umum minggu lalu — dan hari ini enam dari mereka dilantik menyertai kerajaan baru.

Dan antara mereka, dua orang muka baru, yang bertanding buat pertama kali, terus dipilih sebagai Timbalan Menteri manakala dua orang lagi dinaikkan dari Setiausaha Parlimen menjadi Timbalan Menteri.

Peruntukan dua orang menteri wanita tetap dikekalkan dengan peralantikan semula Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Paduka Aishah Ghani, dan Timbalannya Datin Paduka Rafidah Aziz ke portfolio mereka yang lama, Kebajikan Am dan Perumahan Awam.

Tambah

Muka baru yang terus menjadi Timbalan Menteri ialah Ahli Exco Wanita UMNO, Puan Rahmah Othman (Penerangan) dan pensyarah UPM Puan Nafisah Omar (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Yang dinaikkan pula ialah Ketua Wanita MCA Datin Paduka Rosemary Chong, sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan

Enam dari lapan calon wanita BN jadi Menteri

Sharifah Dora Syed Mohamed (Jabatan Perdana Menteri).

Dengan itu sekarang ini ada dua orang menteri wanita dan empat orang Timbalan Menteri wanita dalam kerajaan baru berbanding dengan dua orang menteri wanita dan dua orang Setiausaha Parlimen sebelum pilihanraya.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semasa mengumumkan peralantikan mereka, menjelaskan mereka dipilih kerana beliau berpendapat mereka mampu memikul tanggungjawab berat seperti yang dikehendaki.

"Saya memilih mereka bukan kerana mereka wanita; Jika mereka lelaki sekalipun saya tetap melantik mereka," tambah beliau.

Bagi Pergerakan Pemuda UMNO pula, seramai lapan orang anggota termasuk lima

orang anggota Exco pergerakan dipilih menyertai kerajaan.

Muka baru terdiri dari Encik Mohamed Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad (Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian), anggota Exco Pemuda, Haji Zainal Abidin Zin (Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah), Encik Sabaruddin Chik (Timbalan Menteri Kewangan) dan Encik Kadir Sheikh Fadzil (Setiausaha Parlimen Kementerian Luar).

Dua orang anggota pemuda yang dikekalkan

sebagai Timbalan Menteri ialah Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin (Jabatan Perdana Menteri) dan anggota Exco Datuk Shahrir Abdul Samad (Kementerian Perdagangan dan Perindustrian).

Naib Ketua Pemuda, Datuk Mokhtar Hashim, kekal sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan manakala anggota Exco, Encik Hussein Mahmood kekal sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Awam. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia